

|            |              |         |          |
|------------|--------------|---------|----------|
| TARIKH     | 4 NOV / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 18           | RUANGAN | Selempat |

## 14,700 kini di Makkah

**M**AKKAH: Sebanyak 14,700 jemaah haji Malaysia atau 53 peratus daripada 28,000 orang jemaah tahun ini sudah berada di Tanah Suci untuk menuaikan ibadat umrah dan haji.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, pada masa ini, 6,500 jemaah berada di Madinah dan selebihnya sudah mula menuaikan umrah di Makkah.

"Sehingga kini 42 penerbangan sudah berlepas dari Malaysia dan tinggal 35 penerbangan lagi. Sejak 30 September, semua penerbangan akan mendarat di Jeddah dan penerbangan

ke Madinah dihentikan. Mereka akan berihram dari Jeddah dan akan terus ke Makkah menaiki bas," katanya kepada pemberita Malaysia di ibu pejabat Tabung Haji, di sini.

Katanya, setiap hari dianggar 1,000 jemaah haji Malaysia memasuki Makkah dari Madinah dan mereka akan ditempatkan di 13 buah hotel yang disewa sekitar Masjidil Haram.

Beliau melahirkan rasa syukur kerana tiada masalah timbul setakat ini walaupun terdapat khabar angin adanya wabak penyakit Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) di Tanah Suci.  
- Bernama